

PM diminta jadi orang tengah reda konflik India, Pakistan

BERITA HARIAN 07 JUN 2025

m/s: 3

Kuala Lumpur: Pakistan mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi pengantara dalam konflik di antara negara itu dengan India.

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Syed Ahsan Raza Shah, berkata Anwar ialah seorang pemimpin yang sangat dihormati oleh kedua-dua negara.

Katanya, Pakistan menghormati tawaran yang dikemukakan oleh Anwar sebelum ini untuk menjadi orang tengah bagi meredakan konflik di antara Pakistan dan India.

“Kami sangat berbesar hati sekiranya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar mahu memulakan komunikasi dengan kedua-dua negara kerana beliau seorang pengantara yang adil.

“Dalam hal ini, kami mengalu-alukan apa saja peranan yang ingin dimainkan oleh Malaysia,” katanya pada perjumpaan bersama media dengan Suruhanjaya Tinggi Pakistan di sini, semalam.

Sebelum ini media melaporkan, Anwar menawarkan diri se-



Syed Ahsan Raza pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

bagai pengantara dalam ketegangan di antara India dengan Pakistan.

Bagaimanapun pertubuhan media di India mengkritik Iran dan Malaysia kerana menawarkan diri menjadi pengantara, dengan alasan kedua-dua negara itu tidak berkecuali dan tidak layak untuk bertindak sebagai

broker keamanan.

Katanya, Malaysia jelas tidak mengiktiraf kedaulatan India ke atas Jammu dan Kashmir apabila Anwar menyebut wilayah berkenaan sebagai “Kashmir yang ditadbir oleh India.”

Sementara itu, Syed Ahsan turut menafikan dakwaan Suruhanjaya Tinggi Pakistan meng-

ganggu lawatan delegasi Parlimen India ke Malaysia.

Syed Ahsan berkata, pihaknya sangat menghormati undang-undang yang ada di negara ini dan tidak akan masuk campur dalam pentadbiran Malaysia.

Katanya, Pakistan juga tidak akan menggunakan alasan solidariti Islam atau mengeluarkan

kenyataan Malaysia lebih menyokong Pakistan, berbanding sokongan kepada India.

“Dakwaan Pakistan menggunakan alasan solidariti negara Islam tidak boleh diterima dan sangat tidak bertanggungjawab kerana kami tahu cara untuk mengendalikan urusan hal ehwal antarabangsa.

“Kami tidak bermain sentimen agama dan kami juga tidak akan meminta negara tuan rumah untuk menghalang delegasi dari negara lain. Itu tidak akan dan tidak boleh berlaku,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Suruhanjaya Tinggi Pakistan didakwa melobi pihak berkuasa Malaysia untuk membatalkan lawatan delegasi berkenaan, tetapi percubaan mereka tidak berjaya.

Lawatan yang dijadualkan ke Kuala Lumpur diteruskan dengan delegasi itu menerima sokongan penuh, dalam apa yang disifatkan NDTV India sebagai penolakan diplomatik yang ketara terhadap Islamabad.